

**PARLIMEN**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS: 1 JULAI 2010**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 12 HINGGA 57 )

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

## **SOALAN 12**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA**

**TUAN SIM TONG  
HIM [KOTA  
MELAKA]**

**TARIKH**

**1 JULAI 2010**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:**

- (a) Nama pulau dan negeri-negeri di mana terdapat beberapa buah pulau yang telah dibangunkan sebagai destinasi pelancongan; dan
- (b) Senaraikan sepuluh pulau yang paling terkenal dan angka pelancong yang datang melawat ke pulau-pulau tersebut sepanjang tahun 2009.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dibawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), sebanyak empat belas (14) buah pulau yang telah dibangunkan di bawah Kementerian Pelancongan. Antara pulau-pulau yang terlibat adalah:

1. Pulau Langkawi, Kedah;
2. Pulau Pangkor, Perak;
3. Pulau Pinang;
4. Pulau Kukup, Johor;
5. Pulau Tioman, Pahang;
6. Pulau Kapas, Terengganu;
7. Pulau Redang, Terengganu;

8. Pulau Perhentian,
9. Pulau Suri, Kelantan;
10. Pulau Tiga, Sabah;
11. Pulau Manukan, Sabah;
12. Pulau Mamutik Sabah;
13. Pulau Sapi, Sabah; dan
14. W.P. Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepuluh (10) buah pulau yang paling terkenal dan angka pelancong yang datang melawat ke pulau-pulau tersebut sepanjang tahun 2009 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pulau</b>	<b>Bilangan Pelancong</b>
1.	Pulau Pinang	10,242,681
2.	Pulau Langkawi	1,826,354
3.	Pulau Pangkor	1,737,650
4.	Pulau Redang	210,544
5.	Pulau Tioman	150,184
6.	Pulau Manukan	133,662
7.	Pulau Sapi	93,416
8.	Pulau Mamutik	64,552
9.	Pulau Penyu	13,030
10.	Pulau Aur	10,419

**Soalan No : 13**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>01.07.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN WIASIR ANAK KUJAT [ SRI AMAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk membina sekolah SMK baru di Lachau/Pantu dalam RMK-10. Sekiranya ada, bilakah ia akan bermula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan sentiasa mengkaji keperluan untuk membina sekolah baru di kawasan yang memerlukan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, buat masa ini KPM tiada cadangan untuk membina sekolah baru di Lachau atau Pantu, sebaliknya terdapat cadangan untuk membina sebuah sekolah antara SMK Melugu di Sri Aman dan SMK Balai Ringin di Serian.



## **SO ALAN NO: 14**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM

TARIKH: 1 JULAI2010

SOALAN:

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bahawa skim barn akan diwujudkan bagi membantu majikan mengadakan latihan dalaman kepada pekerja termasuk kemahiran baru yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Adakah skim seperti ini telah beijaya dilaksanakan di negara lain dan negara manakah boleh dijadikan model untuk membangunkan skim ini.

PR-1232-L37595

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) merupakan satu pendekatan baru dalam melaksanakan latihan kemahiran di Malaysia. Sistem latihan ini lebih menumpukan kepada latihan di tempat kerja berbanding sistem latihan dahulu yang menumpukan pembelajaran secara teori di Institut Latihan. Secara umumnya SLDN adalah kaedah latihan secara *hands on* dimana 70 hingga 80 peratus daripada tempoh latihan selama dua (2) tahun dikendalikan di tempat kerja dan baki sebanyak 20 hingga 30 peratus latihan secara teori dilaksanakan di institusi latihan.

Latihan SLDN ini beroperasi berdasarkan konsep perkongsian pintar di antara pihak industri dengan Kerajaan dan berupaya menangani isu ketidaksepadanan kemahiran (*skills mismatch*) yang sering dibangkitkan oleh pihak industri. Penekanan latihan di

tempat kerja ini dapat memenuhi keperluan industri kerana pendedahan kepada persekitaran dan proses kerja yang sebenar serta penggunaan peralatan yang terkini semasa menjalani latihan. Latihan yang dikendalikan oleh industri ini terbuka kepada tenaga kerja sedia ada dan lepasan sekolah. Dalam Rancangan Malaysia ke 10 (RMK10), peluasan pelaksanaan SLDN akan mengambil pelajar-pelajar yang tidak menamatkan 11 tahun persekolahan. Perantis yang menamatkan program latihan dengan jayanya akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk menggalakkan latihan dalaman di dalam sektor swasta, Kerajaan menggalakkan mereka menggunakan caruman levi masing-masing dalam bidang latihan yang diperlukan. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk melaksanakan *continuous employment training* untuk pekerja. Latihan *hard skills*, teknikal dan yang mempunyai elemen inovasi dan kreativiti layak diberi bantuan kewangan pada kadar 100%.

Tuan yang di Pertua,

Skim SLDN yang dinyatakan telah dilaksanakan dengan jayanya di negara Jerman, Switzerland dan Austria. Pelaksanaan skim SLDN dan latihan dalaman oleh majikan yang berdaftar dengan PSMB secara langsung dapat meningkatkan kemahiran sedia ada dan memberi kemahiran baru kepada para pekerja dan ianya dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam mencari pekerjaan.

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>	<b>No: 15</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' ISMAIL BIN KASIM</b>	
	<b><u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u></b>	
<b>TARIKH</b>	<b>1 JULAI 2010 (KHAMIS)</b>	
<b>SOALAN</b>	<b>NO.15</b>	

**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha kementerian untuk memastikan jumlah pelajar yang mengikuti kursus di IPTA/IPTS memenuhi keperluan di sektor pekerjaan dan bukan melebihi keperluan sedia ada.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program di IPT terutamanya IPTA tidak semuanya ditawarkan untuk memenuhi keperluan pasaran. Terdapat juga program-program yang ditawarkan bertujuan untuk menjamin kesinambungan disiplin-disiplin ilmu tertentu, umpamanya program Pengajian Melayu, Pengajian Cina Kuno, Pengajian India, Geografi, Astronomi dan Arkeologi.

Bagi program-program pengajian yang bersifat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan, kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian lain dan juga badan-badan profesional menyediakan kajian halatuju program pengajian di universiti yang bertujuan untuk menyediakan *blueprint* halatuju jangka panjang bagi sebuah program pengajian agar selari dengan unjuran keperluan guna tenaga. Perancangan ini penting bagi memastikan sesuatu bidang itu terus relevan dengan keperluan pasaran dan tidak melebihi permintaan. Sebagai contoh, kerajaan telah melaksanakan penangguhan sementara (moratorium) kursus diploma kejururawatan yang berkuatkuasa pada Julai 2010 untuk memastikan agar lulusan jururawat tidak melebihi permintaan.

Disamping itu, bagi memastikan program pengajian menepati permintaan, setiap IPT perlu menjalankan kajian mengenai permintaan pasaran terhadap graduan yang bakal dilahirkan oleh setiap kursus sebelum kursus berkenaan dipertimbangkan untuk kelulusan Kementerian.

**Soalan No :**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY  
A/L R. SANTIAGO

TARIKH : 01JULAI2010

SOALAN :

a) Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan tindakan kementerian mengatasi masalah kekurangan zat makanan (malnutrition) di kalangan anak-anak Orang Asli di Gombak yang dibangkitkan oleh Dr. Selva Vathany Kanapathi Piilai. Mengapakah doktor ini diberi surat tunjuk sebab (show cause).

**Jawapan (a):**

Tuan Yang Dipertua,

Beberapa tindakan telah dikenalpasti untuk mengatasi masalah kurang zat makanan (malnutrition) di kalangan anak-anak Orang Asli. Kurang Zat Makanan (KZM) ialah suatu keadaan di mana pengambilan makanan harian tidak seimbang memberi kesan kepada kurang tenaga yang diperlukan oleh tubuh untuk proses tumbesaran, keseimbangan dan kelancaran fungsi-fungsi organ dalam tubuh.

Antara tindakan yang sedang dalam perlaksanaan bagi mengatasi masalah KZM adalah .

- a) Jabatan mengambil langkah mengenalpasti mereka yang terlibat dan lokasi di mana KZM berlaku dengan kaedah Proses Mapping (Pemetaan). Proses Mapping ialah satu proses untuk mengumpul statistik yang diadakan di pedalaman Kelantan (Simpang,Bihai, Tendrik, Belatim

dan Gob). Statistik yang dikumpulkan ialah jumlah kanak-kanak yang tahap tumbesarannya tidak memuaskan mengikut skala yang ditetapkan oleh KKM iaitu:- kurang berat badan yang teruk = <-3SD dan -2SD pesakit / kanak-kanak ini akan di bawa ke hospital untuk tindakan selanjutnya.

Perlaksanaan serta merta Program Refeeding iaitu program rawatan pemulihan terhadap pesakit-pesakit KZM yang telah dikenalpasti melalui proses pemetaan. Rawatan akan diberikan sehingga tahap kesihatan kanak-kanak itu mencapai ke -1SD. Semasa di hospital, kanak-kanak akan diberi:-

- (i) Makanan berzat - makanan berklori dan berprotein tinggi
- (ii) Multivitamin
- (iii) Susu formula (di samping galakan kepada ibu untuk terus menyusukan anak)
- (iv) pelbagai rawatan yang diperlukan oleh pesakit berkenaan.

\*

c) Rawatan Lanjutan : Setelah pesakit di sahkan sihat dan boleh di discaj dari wad, pemantauan tahap kesihatan kanak-kanak ini diteruskan selama 6 bulan. Bekalan Bakul Makanan KZM akan diberikan secara berkala selama 6 bulan kepada pesakit KZM ini. Kandungan bakul makanan untuk sebulan

- (i) Multivitamin
- (ii) Minyak ikan Kod (Cod liver oil)
- (iii) Susu formula kanak-kanak (3kg)
- (iv) Bijirin 3 kotak(setiap kotak 600g)
- (v) Biskut

Bekalan akan dilanjutkan sekiranya ada keperluan mengikut kes.

Menurut rekod, didapati sejumlah 2,492 orang kanak-kanak Orang Asli yang telah dikenalpasti mengalami masalah kekurangan zat makanan di tiga(3) buah negeri iaitu Kelantan, Pahang dan Perak.

Pemberian surat tunjuk sebab kepada Dr. Selva Vathany Kanapathi Pillai bertarikh 14 April 2010 adalah bagi mendapatkan penjelasan daripada pegawai berkenaan ekoran daripada tindakan beliau mengadakan sidang akhbar dalam waktu bekerja pada 12 Februari 2010 bertempat di *Bar Council* yang bertujuan untuk memburuk-burukkan Jabatan.

Tindakan doktor berkenaan jelas telah melanggar Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 di bawah Peraturan 19 yang dengan kata lain menyebut tentang larangan bagi mana-mana pegawai awam membuat pernyataan

awam tanpa kebenaran bertulis sama ada secara am atau khusus daripada Menteri serta larangan membuat pernyataan awam yang boleh memburukkan Jabatan serta Perkhidmatan Awam.

Sehingga kini, pegawai berkenaan masih belum mengemukakan maklum balas kepada surat tunjuk sebab berkenaan. Pihak Jabatan juga telah mengemukakan laporan tatakelakuan bertarikh 11 Mei 2010 kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

**Soalan No : 17**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>01.07.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [ HULU TERENGGANU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan status pelaksanaan Sekolah Kebangsaan Padang Setenge, Kuala Berang yang telah melebihi tempoh siap.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina dan menyiapkan Sekolah Kebangsaan Padang Setenge telah dimulakan pada 13 Februari 2008 dan tarikh siap asal adalah pada 12 Ogos 2009. Namun demikian, disebabkan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan seperti perubahan pelan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, musim tengkujuh yang luar biasa dan masalah bekalan bahan binaan yang tidak mencukupi di pasaran, Kementerian telah memberi perlanjutan masa dan dijangka sekolah tersebut mula beroperasi pada tahun 2011.

**Soalan No : 18**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>01.07.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [ BAGAN SERAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah garis panduan yang diguna pakai oleh Kementerian untuk menentukan sama ada sesebuah sekolah itu dikategorikan sebagai sebuah sekolah bandar atau luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Difinisi sekolah bandar adalah sekoalah yang terletak dalam majlis perbandaran termasuk kawasan di bawah pentadbiran majlis daerah dan mendapat kemudahan awam seperti air, elektrik dan kemudan kesihatan. Manakala bagi sekolah luar bandar pula adalah sekolah yang terletak di luar majlis perbandaran atau majlis daerah.

**SOALAN NO : 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU**

**[BUKIT KATIL]**

**TARIKH 1 JULAI 2010**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] MINTA MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah perjanjian konsesi bagi semua lebuh raya akan tamat tempohnya dan adakah selepas tamat tempoh perjanjian ini Kerajaan bersedia memberi jaminan yang pengguna lebuh raya tidak perlu membayar tol lagi.



**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 26 buah lebuh raya yang telah beroperasi dan tempoh konsesi bagi setiap lebuh raya adalah berbeza-beza iaitu di antara 30-40 tahun. Berdasarkan kepada terma-terma yang termaktub di dalam Perjanjian Konsesi adalah menjadi obligasi syarikat konsesi untuk menyerahkan semula lebuh raya selepas tamat tempoh konsesi kepada Kerajaan tanpa sebarang kos. Walau bagaimanapun Kerajaan akan mengkaji terlebih dahulu beberapa opsyen untuk mengenal pasti opsyen yang terbaik bagi mengurangkan beban kewangan negara dan rakyat memandangkan Kerajaan perlu menanggung kos penyenggaraan bagi lebuh raya yang diserahkan semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat lebuh raya yang telah tamat tempoh konsesi dan kutipan tol telah dimansuhkan sebagai contohnya, di Plaza Tol Jalan Cheras dan Jalan Pahang, Lebuhraya METRAMAC masing-masing pada 15 September 2003 dan 31 Mac 2004 manakala kutipan tol Jalan Pintas Selat Klang Utara (NKS) pula telah tamat pada 27 Disember 2009.

*Nt'ZO*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN ALI**

**DARIPADA  
TARIKH**

**01.07.2010 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN ALI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bilakah PERJANJIAN *Preferential Trade Agreement (PTA)* untuk ASEAN Free Trade Area (AFTA) akan dilaksanakan sepenuhnya. Apakah kesan perjanjian ini kepada industri automotif negara.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**ASEAN Free Trade Area (AFTA)** merupakan satu usahasama di antara Malaysia dan lain-lain Negara ASEAN untuk mengurang dan menghapuskan kadar duti import bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN. Proses pengurangan dan pemansuhan duti import telah dimulakan pada 1 Januari 1993. ASEAN-6 iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand telah merealisasikan AFTA pada 1 Januari 2010. Manakala Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam akan merealisasikan sepenuhnya penghapusan duti import pada 2015 kecuali bagi sebilangan produk di mana duti import akan dimansuhkan pada 2018. Namun demikian, negara-negara ini telah mengurangkan duti import kepada paras 0-5 peratus buat masa ini.

**2. Kerajaan telah memenuhi komitmen Malaysia untuk**

memansuhkan duti import bagi kenderaan dan produk automotif pada 1 Januari 2010. Memandangkan duti import dikurang dan dimansuhkan secara berperingkat, industri automotif negara telah bersedia untuk menangani sebarang persaingan daripada penghapusan duti import di bawah AFTA. Malaysia juga telah mengambil peluang liberalisasi di bawah AFTA untuk mengesport produk-produk automotif serta kenderaan ke lain-lain negara ASEAN. Buat masa ini, tiada kesan ketara yang dihadapi oleh industri automotif negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)
------------------------	---

TARIKH	01.07.2010
--------	------------

**SOALAN:**

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan novel Natrah, 'Cinta, Rusuhan, Air Mata' nukilan Fatini sebagai rujukan di sekolah khususnya di tingkatan 6 kerana mutunya yang tinggi dan fakta sejarahnya tepat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Setakat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk menjadikan novel Natrah, “Cinta, Rusuhan, Air Mata” nukilan ~~Satihan~~<sup>bag</sup>22 rujukan di sekolah, khususnya di tingkatan 6.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan sesebuah novel sebagai teks kajian dalam kurikulum tingkatan 6 dibuat oleh Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Kesusastraan Melayu, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Jawatankuasa tersebut menetapkan bahawa teks kajian STPM hanya dipilih daripada novel yang pengarangnya pernah menerima anugerah, sama ada Anugerah Sasterawan Negara, atau Anugerah SEA Write, atau Pemenang Hadiah Sastera.

**SOALAN NO.: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI  
KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Puan Teresa Kok Suh Sim**

**[ Seputeh ]**

**TARIKH BERSIDANG**

**1 JULAI 2010**

**SOALAN**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan unit untuk memantau

perlaksanaan skim insurans kesihatan di syarikat swasta. Apakah Kerajaan akan menubuhkan tribunal tuntutan insurans untuk mendengar rayuan pelanggan insurans kesihatan yang tidak puas hati atas tuntutan mereka.



**Tuan Yang Dipertua,**

Pelaksanaan dan pemantauan skim insurans kesihatan di syarikat swasta adalah dibawah Bank Negara Malaysia [Akta Insuran 1996] (Akta 553) dan Akta Takaful 1984], Bank Negara Malaysia (Bank) adalah pengawalselia industri insurans dan takaful sedia ada. Bank memantau industri insurans keseluruhannya termasuk pelaksanaan skim insurans kesihatan dan perubatan(IKP) yang ditawarkan oleh syarikat insuran dan takaful.

Sekarang telah sedia ada mekanisma untuk mendengar rayuan pelanggan insurans yang tidak berpuas hati dengan tuntutan mereka. Tribunal tuntutan insurans berasingan untuk mendengar aduan pelanggan tentang insurans kesihatan juga adalah tidak diperlukan memandangkan Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) yang sedia ada mampu untuk mengendalikan pertikaian pelanggan dengan syarikat insurans/pengendali takaful berhubung dengan hampir semua jenis tuntutan insurans, termasuk tuntutan yang berkaitan dengan insurans kesihatan dan perubatan.

**SOALAN NO: 23**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN**

**LISAN**

DARI PADA	DATUK ABD RAHMAN BERNAM)	BIN BAKRI (SABAK
TARIKH	1 JULAI 2010 (KHAMIS)	
SOALAN	<b>DATUK ABD RAHMAN</b> <b>MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b>	<b>BIN BAKRI</b> minta menyatakan:

Langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran beras Negara sehingga ke tahap memenuhi keperluan guna sendiri (*self sufficient*).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Beras adalah merupakan makanan asasi bagi rakyat Malaysia. Oleh itu, dalam setiap Rancangan 5 Tahun Malaysia (RMK), Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras Negara. Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras Negara ialah:

- a) meningkatkan kemudahan infrastruktur sistem pengairan yang terdapat di dalam kawasan jelapang supaya tanaman padi mendapat bekalan air yang secukupnya mengikut masa yang ditetapkan;
- b) meneruskan pemberian input pertanian kepada petani untuk mengurangkan kos pengeluaran padi melalui pemberian subsidi baja, racun, kapur, perataan tanah dan upah bajak;

- c) meneruskan pemberian insentif pengeluaran padi dan peningkatan hasil padi sebagai galakan kepada petani supaya berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran;
- d) mengadakan majlis penerangan dan dialog dengan petani bertujuan memberi galakan kepada mereka supaya mengamalkan pertanian secara tepat dengan izin *precision farming* yang dapat membantu mereka meningkatkan hasil pengeluaran;
- e) menyediakan kemudahan pengairan bagi kawasan luar jelapang supaya petani dapat menanam padi 2 kali setahun; dan
- f) Kerajaan melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memperkenalkan varieti baru padi yang tahan rintangan penyakit dan mengeluarkan hasil yang tinggi.

Melalui pelaksanaan program ini Kerajaan berharap petani-petani akan meningkatkan hasil pengeluaran padi mereka yang sekali gus akan dapat menampung keperluan beras negara.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BAGI JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>1 JULAI 2010</b>
<b>SOALAN</b>	<b>24</b>

**Dato' Paduka Abu Bakar bin Talib [Langkawi] minta Menteri Pengangkutan**

menyatakan apakah perancangan Kerajaan di dalam meningkatkan kemudahan pengangkutan awam dan usaha di dalam mengurangkan jumlah kemalangan terutama membabitkan penunggang motosikal baik di bandar maupun luar bandar serta kadar kemalangan jalan raya sepanjang 5 tahun lepas dan jenis kenderaan terbabit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Salah satu daripada 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Results Area - NKRA*) adalah untuk meningkatkan kualiti dan kemudahan pengangkutan awam terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Bagi tujuan ini sebanyak 11 inisiatif merentasi 4 kategori utama iaitu bas, rel, integrasi dan rangkaian telah dikenalpasti bagi meningkatkan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam serta menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian. Antara projek-projek yang akan dan telah dilaksanakan melibatkan pengangkutan awam di kawasan bandar adalah seperti berikut:

- i) membina laluan khas bas bagi menyediakan perkhidmatan bas berprestasi tinggi. Dengan penyediaan perkhidmatan ini, perkhidmatan bas akan menjadi lebih efisyen dan masa perjalanan akan menjadi lebih singkat;

- ii) mewujudkan beberapa terminal bersepadu bagi tujuan mengintegrasikan pengangkutan rel, bas dan teksi. Sebagai contoh pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu Bandar Tasik Selatan yang hampir siap dibina dan Terminal Pengangkutan Bersepadu Timur di Gombak. Apabila kedua-dua terminal ini siap dibina dan beroperasi sepenuhnya, adalah dijangka ia akan dapat meningkatkan lagi jumlah penumpang daripada 150 ribu kepada 300 ribu orang sehari;
- iii) memperkenalkan Sistem Tiket Bersepadu (tunggal) merentasi semua mod pengangkutan awam melalui penggunaan kad tanpa tunai untuk menarik orang ramai menggunakan pengangkutan awam;
- iv) projek sambungan LRT sepanjang 34.7 km bagi kedua-dua laluan Kelana Jaya dan Ampang yang dijangka siap akhir tahun 2012. Projek sambungan LRT ini bakal meningkatkan kapasiti penumpang sebanyak 310 peratus bagi laluan LRT Kelana Jaya dan 70 peratus bagi laluan LRT Ampang;
- v) menambah baik stesen-stesen LRT sedia ada yang melibatkan 25 stesen LRT laluan Ampang dan kerja-kerja merekabentuk bahagian dalaman stesen untuk keselesaan pengguna dan keperluan OKU; dan
- vi) pelaksanaan projek Landasan Berkembar Elektrik bagi sektor sektor Seremban-Gemas sepanjang 94 kilometer yang dijangka siap pada tahun 2012 dan sektor Ipoh-Padang Besar sepanjang 329 kilometer yang dijangka siap pada tahun 2014;

Melalui projek-projek di atas adalah disasarkan penggunaan perkhidmatan awam akan meningkat kepada 25% menjelang akhir tahun 2012 berbanding 13% pada tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan juga telah dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian yang melibatkan penunggang motosikal di bandar dan di luar bandar. Antara langkah-langkah yang telah dan

akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan pemakaian topi keledar dan ikat dengan kemas serta penggunaan topi keledar kanak-kanak di bandar dan di luar bandar;
- (ii) mengadakan program advokasi di sekolah-sekolah dengan penumpuan diberikan berhubung dengan kepentingan pemakaian topi keledar serta risiko menunggang motosikal tanpa lesen memandu;
- (iii) membina laluan khas motosikal secara berperingkat bagi mengasingkan motosikal daripada kenderaan-kenderaan lain terutamanya kenderaan-kenderaan berat;
- (iv) menggalakkan penggunaan pengangkutan awam melalui kempen media dan tawaran harga diskaun tiket-tiket pengangkutan awam; dan
- (v) meningkatkan penguatkuasaan terhadap penunggang motosikal yang melanggar peraturan-peraturan jalan raya.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan kemalangan injuri dan kemalangan kerosakan harta benda bagi kenderaan-kenderaan terlibat seperti kereta, motosikal, lori/van, bas dan teksi bagi tahun 2005 sehingga tahun 2009 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH (KES)</b>
2005	328,268
2006	341,232
2007	363,319
2008	373,047
2009	397,330

**SOALAN NO.: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Datuk Haji Baharum Bin**

**Mohamed [ Sekijang ]**

**TARIKH BERSIDANG**

**1 JULAI 2010**

**SOALAN**

**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan pertambahan pesakit yang bertambah dengan ramai di Hospital Daerah Segamat, adakah Kementerian merancang untuk membesarkan hospital ini dalam RMK-10.

**Tuan Yang Dipertua,**

Pihak kementerian bercadang untuk menaiktaraf Hospital Segamat dengan 221 katil daripada Hospital Pakar Minor (dengan 9 kepakaran) kepada Hospital Pakar Major (dengan 18 kepakaran). Walau bagaimanapun memandangkan kawasan tanah hospital sedia ada tidak mencukupi, pihak Jabatan Kesihatan Negeri sedang mengusahakan untuk mendapatkan sebahagian tanah bersebelahan yang dimiliki oleh RTM dengan keluasan 41.5 ekar untuk dijadikan

tapak untuk pembangunan tambahan Hospital Segamat sedia ada. Urusan tukar guna tanah daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dijalankan. KKM berharap selepas isu tanah ini selesai, projek ini dapat dilaksanakan dalam *second rolling plan* Rancangan Malaysia Ke-10.

**SOALAN(26)**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

LISAN

TARIKH

1 JULAI 2010 (KHAMIS)

DARIPADA

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF (RANTAU PANJANG)

**SOALAN**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang masalah Bumiputera yang masih menjadi setinggan sama ada di bandar dan di luar bandar di seluruh negara. Apa perancangan dalam RMK-10 dalam menuju setinggan dan miskin sifar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar akan masalah setinggan yang terdapat di seluruh negara. Sehingga 15 Mei 2010 terdapat sejumlah 97,260 keluarga setinggan di Malaysia mengikut negeri. Kebanyakan setinggan menghuni di atas tanah milik kerajaan iaitu sama ada tanah milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau tanah-tanah milik agensi Kerajaan yang lain.

Bagi membantu golongan setinggan ini mendapat tempat kediaman yang lebih sempurna, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan perumahan kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan dan ditawarkan kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, penyediaan perumahan kos rendah kepada golongan ini bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sahaja tetapi Kerajaan Negeri juga pada masa ini menetapkan dasar pembinaan rumah kos rendah

**SOALAN(26)**

apabila

**PERTANYAAN**



meluluskan cadangan pembangunan projek perumahan kepada pemaju-pemaju swasta. Selain itu, terdapat juga Kerajaan Negeri yang membangunkan rumah-rumah kos rendah melalui agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri.

Kerajaan Persekutuan akan terus membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri dengan membina perumahan kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) kepada golongan setinggan dalam usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat setinggan sifar 2020.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan  
Julai 2010

**SENARAI PROJEK PPR DIMILIKI DAN STATUS PELAKSANAAN SEHINGGA 29 JUN 2010**

JUMLAH PROJEK/UNIT : 26 projek (3,552 unit)

**PPR DIMILIKI : SENARAI PROJEK SIAP**

JUMLAH PROJEK/UNIT : 19 projek (2,830 unit)

**Lampiran 3**

BIL.	PROJEK SIAP	BILANGAN UNIT
	<b>PAHANG</b>	
1	Kuala Pahang, Pekan	318
2	Paloh Hinai, Pekan	150
3	Tg. Agas, Pekan	150
4	Pamah Kaseh, Temerloh	150
5	Jengka, Maran	300
6	Padang Tengku, Lipis	100
7	Tg. Putus, Raub	100
8	Kg. Hijrah, Kuantan	150
9	Kg. Baru, Gambang	150
10	Bukit Mendi, Bera	150
11	Kg. Parit Raja, Rompin	150
12	Muadzam Shah, Rompin	150
13	Kerambit, Lipis	100
14	Batu 17, Jin. Tersang, Raub	150
15	Bolok Hilir, Temerloh	150
16	Tg. Batu, Nenasi	150
17	Tg. Selangor Fasa 1, Pekan	100
18	Paya Sok, Temerloh	100
19	Tg. Selangor Fasa II, Pekan	62
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,830</b>

**PPR DIMILIKI : DALAM PEMBINAAN**

JUMLAH PROJEK/UNIT : 7 projek (722 unit)

BIL.	PROJEK DALAM PEMBINAAN	BILANGAN UNIT
	<b>PAHANG</b>	
1	Simpang Pelangai, Kg Bentong	129
2	Bandar Baru Fasa II, Jerantut	47
3	Kuala Pahang Fasa II, Pekan	32
4	Kg. Pandan Luar, Pekan	164
5	Kg. Seri Jaya, Maran	150
	<b>Dalam Proses CFO</b>	
6	Leban Chondong, Rompin	100
7	Ibol Tunggal, Jerantut	100
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>722</b>

**Lampiran 1**

**SENARAI PROJEK PPR DISEWA DAN STATUS PELAKSANAAN SEHINGGA 15 APRIL 2010**

JUMLAH PROJEK/UNIT : 84 projek (75,749 unit)

**PPR DISEWA: SENARAI PROJEK SIAP**

JUMLAH PROJEK/UNIT : 56 projek (55,688 unit)

BIL.	PROJEK SIAP	BILANGAN UNIT
	<b>Kuala Lumpur</b>	<b>28,970</b>
1	PPR Sungai Besi	632
2	PPR Taman Wahyu I	1,896
3	PPR Taman Wahyu II	948
4	PPR Pekan Batu	632
5	PPR Kg. Batu Muda	2,132
6	PPR Lembah Pantai Kerinchi	1,896
7	PPR Pudu Ulu	948
8	PPR Intan Baiduri	1,834
9	PPR KL Linear City I	316
10	PPR KL Linear City II Fasa I	1,264
11	PPR KL Linear City II Fasa II	632
12	PPR Salak Selatan	632
13	PPR Kg. Seri Malaysia	632
14	PPR Kg. Malaysia Permai	1,264
15	PPR Sg. Bonus Air Jernih	2,212
16	PPR Kg. Baru Air Panas Tambahan	2,528
17	PPR Kg. Muhibbah Jalan Puchong	2,844
18	PPR Jin. Coachrane	1,620
19	PPR Kg. Limau Pantai Dalam	632
20	PPR Ampang Hilir	948
21	PPR Jin. Lapangan Terbang Lama Fasa I	660
22	PPR Jin. Lapangan Terbang Lama Fasa II	920

BIL	PROJEK SIAP	BILANGAN UNIT
23	PPR Pekan Kepong	948
	<b>Perlis</b>	<b>1,228</b>
24	PPR Bintong III, Kangar	748
25	PPR Mukim Sena, Kangar	480
	<b>Kedah</b>	<b>1,894</b>
26	PPR Paya Nahu, Sg.Petani	1,472
27	PPR Kuah, Langkawi	422
	<b>Pulau Pinang</b>	<b>698</b>
28	PPR Lorong Selamat, Georgetown	316
29	PPR Jalan Thamby, Butterworth	382
	<b>Perak</b>	<b>675</b>
30	PPR Taman Mesra Rakyat, Kampar	29
31	PPR Sungkai KTM	64
32	PPR Batu Gajah KTM	9
33	PPR Ipoh Buntong KTM	112
34	PPR Tanjung Malim	45
35	PPR Buntong, Ipoh	416
	<b>Selangor</b>	<b>3,304</b>
36	PPR Lembah Subang I	3,004
37	PPR Serendah KTM	300
	<b>Negeri Sembilan</b>	<b>420</b>
38	PPR Senawang	420
	<b>Johor</b>	<b>6,952</b>

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK SIAP</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
39	PPR Plentong, Johor Bahru	240
40	PPR Tebrau, Johor Bahru	2,000
41	PPR Sri Stulang, Johor Bahru	1,500
42	PPR Pasir Pelangi, Johor Bahru	960
43	PPR Tampoi, Johor Bahru	2,252
	<b>Sarawak</b>	<b>1,016</b>
44	PPR Sri Wangi, Kuching	200
45	PPR Batu 5, Kuching	816
	<b>Sabah</b>	<b>10,531</b>
46	PPR Batu 4, Sandakan	1,000
47	PPR Balung I, Tawau	972
48	PPR Balung II, Tawau	500
49	PPR Telipok, Kota Kinabalu	2,174
50	PPR Telipok Ria, Kota Kinabalu	2,400
51	PPR Kg. Warisan, Inanam	485
52	PPR Jin. Sagindai, Kinarut	500
53	PPR Batu 4 1/2 Jalan Tengah Nipah Lahad Datu	700
54	PPR Gum-Gum, Sandakan	500
55	PPR Pekan Beluran	400
56	PPR Batu 8, Jalan Apas, Tawau	900
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>55,688</b>

## **PPR DISEWA: DALAM PEMBINAAN**

JUMLAH PROJEK/UNIT : 24 projek (18,026 unit)

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK DALAM PEMBINAAN</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
	<b>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</b>	<b>3,792</b>
1	PPR Bukit Jalil I	1,896
2	PPR Bukit Jalil II	1,896
	<b>Selangor</b>	<b>1,580</b>
3	PPR Lembah Subang II	1,580
	<b>Sabah</b>	<b>7,990</b>
4	PPR Taman Semarak, Tawau	500
5	PPR Kg. Kiansom Besar, Inanam, Kota Kinabalu	1,000
6	PPR Bukit Padang, Kota Kinabalu	775
7	PPR Jin. Upper, Kudat	500
8	PPR Army Camp, Sandakan	500
9	PPR Pekan Kinarut	725
10	PPR Kunak	400
11	PPR Keningau	300
12	PPR Bt 2 1/2, Bubul Lama, Semporna	1,000
13	PPR Selagon, Beaufort	300
14	PPR Jalan Labuk, Sandakan	1,000
15	PPR Kg. Bantayan, Inanam, Kota Kinabalu	490
16	PPR Jalan Lintas Sibugar	500
	<b>Sarawak</b>	<b>2,000</b>
17	PPR Kg. Batu Gong, Siburan	500

18	PPR Seduan, Sibu	500
19	PPR Kemenan, Bintulu	1,000
	<b>Johor</b>	1,326
20	PPR Batu Anam, Segamat	102
21	PPR Yong Peng, Batu Pahat	54
22	PPR Sg. Melana, Johor Bahru	1,170
	<b>Melaka</b>	336
23	PPR Batu Berendam	336
	<b>Terengganu</b>	<b>1,002</b>
24	PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu	1,002
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>18,026</b>

#### PPR DISEWA: DALAM PERANCANGAN

JUMLAH PROJEK/UNIT : 4 projek (2,035 unit)

BIL.	PROJEK DALAM PERANCANGAN	BILANGAN UNIT
	<b>Negeri Sembilan</b>	
1	PPR Ladang Siliau, Port Dickson	150
	<b>Perak</b>	
2	PPR Batu 2 1/2 Jalan Simpang, Taiping	85
	<b>Sabah</b>	
3	PPR Pekan Muhibbah, Sandakan	500
4	PPR Putatan	1,300
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,035</b>

Projek Sambungan RMK-9 : 13,555

**rogram Perumahan Rakyat (PPR) oleh**  
**JPN RMK-10 : 38.942 unit**

unit Projek Baru RMK-10 : 25,387 unit

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**Soalan No : 28**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA** **Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH**  
**(PUTATAN)**

**TARIKH** **01.07.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) kaedah atau pendekatan Kementerian dalam menggalakkan sekolah jenis kebangsaan menerapkan konsep 1 Malaysia misalnya sistem pembelajaran dan pengambilan kakitangan merangkumi semua kaum; dan
- (b) sekiranya telah dilaksanakan apakah pecahan murid dan guru mengikut kaum dan negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Gagasan 1 Malaysia yang dicetuskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri adalah untuk meningkatkan perpaduan kaum di Malaysia. Aspek pertama adalah menerapkan teras-teras perpaduan manakala aspek kedua adalah penerapan nilai-nilai aspirasi. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah bertindak dengan proaktif dengan menyerapkannya dalam kurikulum dan kokurikulum. Sebagai contoh, gagasan 1 Malaysia difokuskan dalam tajuk-tajuk tertentu di dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Moral dan Sejarah. Melalui mata pelajaran ini, nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang didokong oleh



semua agama di Malaysia didedahkan kepada semua murid bertujuan untuk mewujudkan semangat perpaduan, saling menghormati dan saling bekerjasama dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa selaras dengan Gagasan 1 Malaysia. Semangat 1 Malaysia akan diteruskan merangkumi aspek-aspek lain termasuklah perjawatan dan sebagainya.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan mengikut kaum bagi pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah seperti berikut; Kaum Melayu 9.21%, Cina 88.10%, India 1.67% dan lain-lain kaum 1.02%, Manakala pecahan kaum bagi guru pula adalah Melayu 8.28%, Cina 91.3% India 0.35% dan 0.07% bagi lain-lain kaum. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, pecahan pelajar mengikut kaum adalah seperti berikut; Melayu 0.24%, Cina 0.04% India 99.72% dan 0.08% adalah lain-lain kaum. Pecahan kaum bagi guru di SJKT pula ialah Melayu 3.83%, Cina 0.08%, India 95.95% dan 0.14% bagi lain-lain kaum.

**NO. AUM : 49**

**NO. AUP : 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA DATO' N LISA DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [  
MAS GADING ]**

**TARIKH 1 JULAI 2010**

**RUJUKAN 2884**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Tekhee @ Tiki Anak Lafe [ Mas Gading ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perancangan Kerajaan berkenaan pelaksanaan projek CIQ Serikin yang jelas diperlukan memandangkan keadaan sekarang di mana rakyat asing dibenarkan masuk ke kawasan negara tanpa dokumen yang sah.**

**JAWAPAN:**

*Tuan Yang Di-Pertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mas Gading yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Serikin terletak di sempadan Sarawak-Kalimantan dengan jarak perjalanan dari bandar Kuching memakan masa lebih kurang satu jam setengah. Pintu Masuk Serikin adalah bersempadan dengan Jagoi Babang, Kalimantan Barat, Indonesia. Justeru, bagi memastikan kawalan pergerakan keluar / masuk dan keselamatan sempadan adalah sentiasa dalam keadaan terkawal, maka baru-baru ini, Kerajaan telah bersetuju supaya Kementerian Dalam Negeri mempertimbangkan cadangan untuk pembinaan Pos Kawalan Imigresen berhampiran dengan garis sempadan di antara Malaysia dan Indonesia. Ini adalah bagi memastikan kawalan pergerakan manusia yang lebih teratur dan sah di sisi perundangan. Kesinambungan daripada keputusan tersebut, Kementerian Dalam Negeri akan mengadakan beberapa siri perbincangan lanjut dengan agensi-agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri Sarawak bagi mencari pendekatan terbaik untuk melaksanakan perancangan

**tersebut.**

No: 29

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA  
(PARIT)**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**TARIKH**

**01.07.2010**

**SOALAN NO**

**29**

**Tuan Mohd Nizar Bin Zakaria** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan rundingan bagi mengadakan kemudahan pembiayaan Islam untuk sektor teknologi hijau negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemudahan pembiayaan Islam untuk sektor teknologi hijau negara telah dilaksanakan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau pada 1 Januari 2010 bagi menyokong pembangunan industri teknologi hijau. Institusi kewangan pelaksana merangkumi semua institusi kewangan komersial, institusi kewangan Islam dan institusi kewangan pembangunan iaitu Bank Pembangunan, SME Bank, Agrobank, Bank Rakyat, EXIM Bank dan Bank Simpanan Nasional. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion bagi skim ini yang menyediakan pembiayaan mudah bagi syarikat pengeluar teknologi hijau dan juga syarikat yang menggunakan teknologi hijau. Bagi syarikat pengeluar teknologi hijau, pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM50 juta manakala pembiayaan bagi syarikat pengguna adalah berjumlah RM10 juta. Institusi kewangan pelaksana akan menggunakan dana masing-masing untuk skim ini dan Kerajaan pula akan menjamin 60 peratus daripada jumlah pembiayaan. Risiko selebihnya sebanyak 40 peratus akan ditanggung

**SOALAN NO: 30**

oleh institusi kewangan pelaksana. Kerajaan juga akan menanggung dua peratus daripada jumlah kadar keuntungan pembiayaan.

**SOALAN NO: 31**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI  
[TAWAU]

TARIKH 1 JULAI 2010

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah tindakan jangka pendek yang diambil Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan kemudahan latihan untuk pelajar-pelajar perubatan Universiti Malaysia Sabah di Queen Elizabeth Hospital, Sabah Medical Centre dan Hospital Tawau supaya memastikan kualiti latihan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengajaran klinikal pelajar-pelajar perubatan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah di bawah bidang kuasa KPT dan universiti berkenaan. Pihak IPT perlu menyediakan kemudahan untuk pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar mereka.

Selain dari itu, tindakan seperti yang diamalkan oleh kesemua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia termasuk Universiti Malaysia Sabah

(UMS), mereka dibenarkan menggunakan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan latihan klinikal pelajar-pelajar IPT tersebut.

Pihak KKM memang sentiasa meningkatkan kemudahan di hospital termasuklah di Sabah seperti Hospital Queen Elizabeth, Hospital Tawau dan sebagainya, di mana kemudahan tersebut turut boleh digunakan oleh pihak UMS untuk tujuan pemberian rawatan dan pengajaran. Tenaga kerja KKM juga terlibat dalam membantu pengajaran pelajar-pelajar IPT secara sambilan.

Bagi melicinkan penggunaan fasiliti KKM, Memorandum Perjanjian ditandatangani antara KKM dan IPT seperti UMS. Terdapat dua jawatankuasa yang ditubuhkan bagi meningkatkan kerjasama dan melicinkan serta mengawasi penggunaan fasiliti KKM oleh pihak IPT supaya lebih konsisten dan tersusun iaitu Jawatankuasa Bersama KKM dengan Dekan-Dekan IPT dan Jawatankuasa Pengurusan Bersama di peringkat negeri dan hospital.

**PEMBERTTAHU PgfTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN

DARIPADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI  
AZIZ [ SRI GADING - BN ]

TARIKH **1 JULAI 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 31**

**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz (Sri Gading)** minta **MENTERI BEUA DAN SUKAN**  
menyatakan

- (a) apakah sebenarnya matlamat Kementerian dalam meningkatkan mutu dan penguasaan dalam sukan; serta
- (b) apakah sukan teras yang telah berjaya negara ungguli di persada antarabangsa.

**JAWAPAN**

1. Usaha bagi meningkatkan mutu dan penguasaan dalam sukan negara adalah bermatlamat untuk memastikan atlet-atlet negara dapat bersaing di persada antarabangsa seterusnya menyumbangkan pingat kemenangan buat negara. Dengan itu ia mampu mempertingkatkan imej negara melalui pencapaian cemerlang para atlet atau kontinjen negara di temasya antarabangsa seperti Sukan SEA (11 negara), Sukan

**SULIT**

**No: 32**

Komanwel (71 negara), Sukan Asia (45 negara) dan Sukan Olimpik(205 negara)

**PERTANYAAN**

2. Sukan-sukan teras yang telah berjaya negara ungguli di persada antarabangsa adalah:
- (i) Skuasy (Dato' Nicol Ann David [1]),
  - (ii) **Badminton** (Dato' Lee Chong Wei [1], Koo Kien Keat & Tan Boon Heong [1], Wong Pei Tty & Chin Eei Hui),
  - (iii) **Berbasikal** (Mohd Azizulhasni Awang)
  - (iv) Lawn Bowls (Safuan Said [1], Siti Zalina Ahmad),
  - (v) **Tenpin Boling** (Siti Safiyah Amirah [1], Zulmazran Zulkfli)

**NO.AUM : 36**

**NO.AUP : 33-**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                  LISA  
N**

**DARIPADA**

**TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [ KETEREH ]**

**TARIKH        1 JULAI 2010**

**RUJUKAN    2774**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang telah dibawa masuk ke Malaysia dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2010. Perincikan mengikut negara.**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ketereh di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), hanya mempunyai statistik kemasukan pekerja asing bagi tempoh 01 Januari sehingga 30 April 2010 sahaja. Bagi tempoh tersebut, terdapat seramai 458,698 pekerja asing yang berdaftar.

Pecahan pekerja asing mengikut 5 negara tertinggi adalah seperti berikut:-

- |              |         |
|--------------|---------|
| 1. Indonesia | 255,998 |
| 2. Nepal     | 69,761  |
| 3. Myanmar   | 43,645  |
| 4. India     | 30,898  |
| 5. Vietnam   | 11,688  |

**PEMBERITAHUAN PERTPANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' SHAMSUL ANUAR BIN  
NASARAH (LENGGONG)**

**TARIKH**

**1 JULAI 2010**

**SOALAN**

**33**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- a) kaedah yang digunakan untuk memantau kemasukan kenderaan Thailand atau Singapura ke negara ini dan berapakah jumlah kenderaan asing yang melalui pintu sempadan; dan
- b) apakah isu atau masalah yang dihadapi daripadanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Konvensyen Geneva 1949, negara-negara yang menandatangani perjanjian telah bersetuju untuk mengecualikan kenderaan-kenderaan asing yang memasuki sesebuah negara secara sementara daripada pendaftaran dan pelesenan di negara tersebut. Sebagai ganti, negara tersebut boleh mengeluarkan Permit Peredaran Antarabangsa atau disebut sebagai *International Circulation Permit* (ICP). ICP ini hanya dikeluarkan ke atas kenderaan persendirian yang memasuki sesebuah negara secara sementara untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh negara tersebut.

Bagi memantau kemasukan kenderaan Thailand ke negara ini, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengeluarkan ICP di pintu-pintu masuk utama negara selaras dengan peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Edaran Antarabangsa) 1967. Setiap kenderaan yang dikeluarkan ICP, rekod kenderaan tersebut akan dimasukkan dalam sistem komputer JPJ bagi tujuan pemantauan. ICP ini

diberikan untuk tempoh 90 hari dan kemudiannya boleh diperbaharui maksimum 180 hari setahun. Mengikut rekod JPJ, sebanyak 87,693 kenderaan Thailand telah memasuki negara ini pada tahun 2009 dan bagi tahun 2010 sehingga bulan Mac sebanyak 30,533 kenderaan. Perangkaan ini adalah berdasarkan kepada pengeluaran ICP di sempadan.

Walau bagaimanapun, bagi kenderaan Singapura, Kementerian ini tidak mempunyai rekod kerana kenderaan-kenderaan Singapura dikecualikan daripada permit ICP berdasarkan persetujuan dua hala di antara Malaysia dengan negara tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kemasukan kenderaan asing telah menimbulkan beberapa masalah terutamanya dari segi penguatkuasaan seperti berikut:

- (i) peningkatan penggunaan kenderaan persendirian Thailand sebagai teksi haram. Perkara ini berlaku disebabkan penyalahgunaan pengecualian ICP dalam jarak 2 kilometer oleh segelintir pemandu kenderaan persendirian Thailand. Tindakan mereka ini telah memberi impak kepada operator teksi negara ini;
- (ii) penyeludupan kenderaan-kenderaan terpakai Singapura. Perkara ini berlaku kerana kenderaan-kenderaan Singapura dikecualikan daripada ICP dan setelah dibawa masuk ke negara ini kenderaan tersebut dijual kepada warganegara Malaysia. Dalam hal ini, pemilik kenderaan tersebut menghadapi risiko kerana tidak mempunyai perlindungan insurans;
- (iii) kenderaan-kenderaan daripada kedua-dua negara ini sukar diambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan-kesalahan lalu lintas. Ini kerana ketiadaan rekod atau maklumat kenderaan yang lengkap melainkan yang didaftarkan melalui ICP. Di samping itu, pihak-pihak berkuasa negara-negara berkenaan juga enggan mengemukakan maklumat kenderaan-kenderaan tersebut dan ini menyebabkan pemilik-pemilik kenderaan tersebut terlepas daripada tidakan penguatkuasaan; dan

- (iv) kenderaan-kenderaan persendirian juga dijadikan sebagai kenderaan barang bertujuan untuk menyeludup barang-barang terkawal. Ini telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk membendung isu-isu di atas, penguatkuasaan yang berterusan terhadap kenderaan asing sedang dilaksanakan. Selain itu, pindaan undang-undang berhubung pengeluaran ICP akan dibuat bagi menyekat tempoh kemasukan kenderaan daripada 180 hari sedia ada kepada satu tempoh yang lebih singkat. Di samping itu, bagi kenderaan-kenderaan asing, Kerajaan juga bercadang untuk mendaftarkan kenderaan-kenderaan tersebut melalui Electronic Vehicle Information System (e-Vis) yang akan dilaksanakan oleh pihak Kastam DiRaja Malaysia dalam masa terdekat.

No: 34

**TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU)**

**LISAN**

**01.07.10 PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA 34**

**PERTANYAAN**

**TARIKH** Tuan Mohd Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta  
**SOALAN NO** menyatakan mengapakah negeri Terengganu merupakan satu-satunya negeri di mana peruntukan pembangunan dari Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan Pusat menggunakan dana negeri dari hasil royalti petroleum Terengganu (Dana Khas Terengganu). Nyatakan jumlah peruntukan dari dana khas yang telah dibelanjakan di negeri Terengganu dari tahun 2000 hingga Mei 2010.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun (RMK) untuk melaksanakan pelbagai projek di peringkat negeri termasuk negeri Terengganu. Melalui peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang diterima oleh Kerajaan negeri Terengganu, projek/program yang dilaksanakan oleh Kementerian/Agensi Kerajaan Persekutuan merupakan projek/program tambahan

yang memberi manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu selain projek yang dibiayai di bawah peruntukan Pembangunan RMK.

2. Jumlah peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang disalurkan untuk melaksanakan projek/program di Negeri Terengganu dari tahun 2000 hingga 31 Mei 2010 adalah sebanyak RM15.96 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM7.7 bilion disalurkan kepada Kementerian/Agenzi Kerajaan Persekutuan manakala RM8.26 bilion disalurkan secara terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi membiayai perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Negeri Terengganu.

3. Di bawah RMK-8 (2001-2005) dan RMK-9 (2006-2010), peruntukan yang disalurkan kepada Negeri Terengganu adalah sebanyak RM15.5 bilion. Dengan mengambil kira peruntukan RMK-8 dan RMK-9 serta Dana Khas Kerajaan Persekutuan sebanyak RM7.7 bilion, Negeri Terengganu sebenarnya telah disediakan peruntukan sebanyak RM23.2 bilion berbanding jumlah peruntukan yang diterima oleh negeri-negeri lain seperti Pahang, sebanyak RM16.5 bilion, Kedah RM16.8 bilion, Negeri Sembilan RM14.2 bilion dan Johor RM21.9 bilion.

**SOALAN(35)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

LISAN

**TARIKH DARIPADA**

1 JULAI 2010 (KHAMIS)

**SOALAN**

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH

**Y.B. DATUK SERI  
PANGLIMA HAJI  
GHAPUR BIN HAJI  
(KALABAカン) minta  
PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

(KALABAカン)

**ABDUL  
SALLEH  
MENTERI**

menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa untuk dua kawasan Parlimen Kalabakan dan Tawau yang merangkumi 6 kawasan Dewan Undangan Negeri, terdapat hanya satu balai bomba. Jika sedar:-

- (a) apakah Kementerian berpendapat ini sudah mencukupi; dan
- (b) apakah Kementerian merancang untuk mewujudkan satu lagi balai bomba khususnya untuk memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyedari bahawa pada masa ini hanya terdapat sebuah balai bomba iaitu Balai Bomba dan Penyelamat (JBPM) Tawau yang memberikan perkhidmatan kebombaan kepada masyarakat di kawasan Tawau dan Kalabakan. Balai Bomba Dan Penyelamat Tawau mempunyai keanggotaan seramai 57 orang dan dilengkapi kemudahan melawan kebakaran yang mencukupi terutama dengan adanya penambahan jentera bomba yang baru.

Kepadatan penduduk di kedua-dua kawasan ini tidak begitu tinggi dan pada masa ini balai bomba sedia ada masih berkemampuan untuk memberikan perkhidmatan kebombaan kepada kedua-dua kawasan. Walau bagaimanapun, KPKT akan

melaksanakan kajian terperinci berhubung keperluan sebenar balai bomba baru di kawasan tersebut dengan mengambil kira risiko-risiko kebakaran yang wujud serta jarak perjalanan di antara Baai Bomba Tawau ke kawasan berkaitan.

KPKT akan mengkaji keperluan balai bomba baru dari masa ke semasa dengan mengambil kira faktor pembangunan serta kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut

- a) Indikator risiko bagi kawasan tersebut seperti kepadatan penduduk, perindustrian dan perdagangan;
- b) Keluasan kawasan jagaan bagi sebuah balai bomba;
- c) Faktor keadaan geografi; dan
- d) Keperluan strategik.

Berdasarkan kriteria tersebut, KPKT akan mengenalpasti keperluan sebenar dan sekiranya penempatan balai bomba di sesuatu kawasan adalah perlu, cadangan tersebut akan dikemukakan dalam permohonan pembangunan yang akan datang.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Julai 2010

**NO. SOALAN:36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**

**PERTANYAAN**

**(KUANTAN) 1 JULAI 2010(KHAMIS)**

**DARIPADA**

**SOALAN**

**TARIKH**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Kuantan) minta PERDANA**

**MENTERI**

menyatakan serta memberikan butiran statistik berkenaan golongan berpendapatan di bawah RM1,000, di bawah RM1.500 dan di bawah RM3.000 bagi Orang Asal Sabah dan Sarawak dari segi bilangan isi rumah dan etnik/puak bagi sepuluh tahun yang lepas.

**JAWAPAN:**

'Orang Asal' di Sabah dan Sarawak boleh disamakan dengan etnik Pribumi dan bagi tujuan perancangan, diklasifikasikan kepada etnik Melayu, Kadazan/Dusun, Murut, Bajau dan Bumiputera Lain di Sabah manakala di Sarawak, diklasifikasikan kepada etnik Melayu, Iban, Bidayuh, Melanau dan Bumiputera Lain. Maklumat berkenaan pendapatan mengikut kumpulan etnik diperoleh melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dilaksanakan dua kali setiap lima tahun. Dalam tempoh 1999 hingga 2009, bilangan isi rumah di kalangan Pribumi di Sabah yang berpendapatan kurang daripada RM3.000 meningkat daripada 183,700 kepada 290,000, iaitu dengan kadar pertumbuhan tahunan 4.7 peratus. Manakala bagi isi rumah berpendapatan di bawah RM1.000 berkurangan daripada 89,000 kepada 87,700. Isi rumah berpendapatan antara RM1,000 hingga RM1,499 meningkat, iaitu daripada 44,000 kepada 83,000 manakala isi rumah berpendapatan RM1,500 hingga RM3,000 juga meningkat daripada 51,000 isi rumah kepada 120,000.

Pada tempoh yang sama, bilangan isi rumah Pribumi yang berpendapatan di bawah RM3.000 di Sarawak meningkat daripada 240,000 kepada 256,000 isi rumah di mana bilangan isi rumah berpendapatan di bawah RM1,000 berkurangan dengan signifikan daripada 86,000 kepada 41,000 iaitu dengan kadar -7.2 peratus. Isi rumah berpendapatan antara RM1,000 hingga RM1,499 meningkat daripada 68,000 kepada 84,500 manakala bagi pendapatan RM1,500 hingga RM3.000, meningkat daripada

88,000 isi rumah kepada 130,000. Statistik bilangan isi rumah mengikut perincian kumpulan etnik Pribumi adalah seperti di maklumat tambahan.

**SOALAN NO : 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED  
                                  [SEPANG]**

**TARIKH                    1 JULAI 2010  
SOALAN**

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah klinik luar bandar dan jumlah doktor serta jururawat desa mengikut negeri. Apakah usaha Kerajaan untuk menambah jumlah kakitangan terlatih di pusat-pusat kesihatan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir 2009, sebanyak 803 buah Klinik Kesihatan dan 1,947 Klinik Desa. Pecahannya adalah seperti dibawah:

Rank	State/Region	Total	In Bandar	Outside Bandar	Total	Male	Female	MW%
1	Johor	90	13	77	284	0	284	0
2	Kedah	52	25	27	224	0	224	0
3	Kelantan	53	7	46	198	0	198	0
4	Melaka	26	11	15	61	0	61	0
5	Negeri Sembilan	38	17	21	106	0	106	0
6	Pahang	63	32	31	249	3	246	1%
7	Pulau Pinang	26	14	12	62	1	61	2%
8	Perak	74	33	41	259	20	239	7%
9	Perlis	9	2	7	30	0	30	0%
10	Selangor	56	53	3	131	0	131	0%
11	Terengganu	39	6	33	133	0	133	0%
12	Sabah	77	13	64	189	0	189	0%
13	Sarawak	185	34	151	18	0	18	0%
14	W.P. Kuala Lumpur	13	13	0	-	-	-	-
15	W.P. Labuan	1	1	0	10	0	10	0%
16	W.P. Putrajaya	1	1	0	-	-	-	-
<b>MALAYSIA</b>		<b>803</b>	<b>275</b>	<b>528</b>	<b>1,954</b>	<b>24</b>	<b>1,930</b>	

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Jumlah Pegawai Perubatan yang ditempatkan di negeri-negeri pada 1 Januari 2010 adalah seramai 16,189 orang. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

#### **BILANGAN PEGAWAI PERUBATAN YANG DITEMPATKAN MENGIKUT**

## **NEGERI PADA 1 JANUARI 2010**

iig  SS		
1.	PERLIS	255
2.	KEDAH	1,075
3.	PULAU PINANG	1,143
4.	PERAK	1,749
5.	SELANGOR	2,762
6.	WPKL & PUTRAJAYA	1,763
7.	NEGERI SEMBILAN	920
8.	MELAKA	640
9.	JOHOR	1,482
10.	PAHANG	906
11.	TERENGGANU	646
12.	KELANTAN	763
13.	SARAWAK	999
14.	SABAH	1,067
15.	W.P. LABUAN	19
<b>,JUMLAH</b>		agli;S^?ii9 Eg

Nota : Jumlah tersebut tidak termasuk Pegawai Perubatan di Ibu Pejabat KKM, institusi-institusi, Jawatan Kumpulan, Jawatan Sementara, Jawatan Simpanan Latihan, Jawatan Tambahsentara dan Kader.

Bagi Jururawat Masyarakat pula, jumlah yang ditempatkan di negeri-negeri pada 1 Januari 2010 adalah seramai 18,158 orang. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

## **BILANGAN JURURAWAT MASYARAKAT YANG DITEMPATKAN MENGIKUT NEGERI PADA 1 JANUARI 2010**

<b>BIL</b>		<b>JUMLAH</b>
1.	Perlis	260
2.	Kedah	1,283
3.	Pulau Pinang	833
4.	Perak	1,632
5.	Selangor	1,986
6.	W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya	652
7.	Negeri Sembilan	652
8.	Melaka	589
9.	Johor	1,521
10.	Pahang	1,374
11.	Terengganu	1,024
12.	Kelantan	1,333
13.	Sarawak	2,416
14.	Sabah	2,543
15.	W.P. Labuan	60
		<b>18,158</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasiliti-fasiliti kesihatan di luar bandar adalah terdiri daripada Klinik Kesihatan (KK) dan Klinik Desa (KD) yang memberi perkhidmatan yang antara lainnya adalah melibatkan aktiviti kesihatan keluarga dan penjagaan kesihatan primer. Di antara penjawat awam terlatih yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa adalah terdiri daripada Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih, Jururawat Masyarakat, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Juruteknologi Makmal Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan sebagainya mengikut keperluan dan kesesuaian.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang berkesan, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah jumlah penjawat awam terlatih bukan sahaja di pusat-pusat kesihatan luar bandar, malah di semua fasiliti kesihatan di KKM.

Di antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah menambah jumlah pengeluaran pelatih Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) oleh institusi-institusi latihan KKM dan juga institusi latihan swasta melalui kaedah *outsourcing*. Ini meliputi pengeluaran pelatih-pelatih bagi 13 skim perkhidmatan seperti Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Jururawat Masyarakat dan sebagainya. Pertambahan pengeluaran pelatih ini dapat dilihat berdasarkan kepada peningkatan output daripada seramai 4,469 orang pada tahun 2006 kepada 6,452 orang pada tahun 2009. Pada tahun 2010 jumlah pengeluaran pelatih dijangka akan meningkat kepada 6,661 orang.

Di samping itu, bagi menggalakkan penjawat awam terlatih berkhidmat di luar bandar, Kerajaan juga telah memperkenalkan elaun dan kemudahan khusus untuk anggota yang berkhidmat di kawasan luar bandar seperti Bayaran Insentif Luar Waktu Pejabat (BILWP), Bayaran Insentif Pedalaman (BIP), Elaun Khas Mengikut Lokasi (EKMLTK) dan Elaun Balik Kampung (EBK).

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    Y.B. TUAN WONG HO  
                                  LENG  
                                  (SIBU)**

**TARIKH : 1.7.2010**

**SOALAN**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bagaimanakah Kerajaan Persekutuan bercadang membantu memperbaiki kehidupan, infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas masyarakat Iban dan Melayu di Sibu dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sentiasa berusaha untuk membantu memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat luar bandar terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang berkualiti dan liputan yang lebih meluas supaya setiap golongan masyarakat tanpa mengira kaum dapat sama-sama menikmati kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

Oleh itu bagi memastikan agenda tersebut dapat diteruskan, KKLW telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM14.72 bilion untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur dan kemudahan asas di seluruh negara bagi

tempoh 2011 hingga 2012. Daripada RM14.72 bilion tersebut, sebanyak RM4.6 bilion atau 31% akan digunakan untuk pelaksanaan projek-projek di negeri Sarawak termasuk kawasan Parlimen Sibu iaitu RM1.68 bilion untuk Jalan Luar Bandar (JALB), RM0.22 bilion untuk Projek Jalan Kampung (PJK), RM1.22 bilion untuk Bekalan Air Luar Bandar (BALB), RM1.45 bilion untuk Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan RM0.034 bilion untuk Program Ameniti Sosial (PAMS).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]

TARIKH : 1 JULAI 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta PERDANA

MENTERI menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah prasarana kemudahan pengangkutan awam di Hulu Selangor seperti:

- (a) bas tempatan tidak sampai seperti yang dijadualkan; dan
- (b) keadaan bas yang tidak memuaskan dan kemudahan bas 'feeder'<sup>3</sup> dari Stesen Komuter Serendah, Batang Kali dan Kuala Kubu Bharu.



**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat perkhidmatan bas berhenti-henti yang disediakan untuk kemudahan orang ramai di Hulu Selangor yang meliputi kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Berhubung masalah bas tidak sampai mengikut jadual, hal ini bergantung pada beberapa faktor seperti berlaku kerosakan bas, keadaan lalu-lintas dan faktor cuaca. Bagi membolehkan siasatan rapi dijalankan, orang ramai perlulah menyatakan butiran aduan dengan jelas seperti tarikh dan masa kejadian kepada pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk diambil tindakan.

Pada masa ini belum ada kemudahan *feeder bus* atau bas pengantara di stesen komuter KTM Serendah, Batang Kali dan Kuala Kubu Bharu. LPKP telah mempelawa beberapa buah syarikat bas termasuk syarikat bas mini sedia ada untuk menyediakan perkhidmatan namun mereka belum bersedia disebabkan oleh kajian pasaran yang dilaksanakan oleh pihak syarikat



menunjukkan jumlah penumpang yang masih rendah dan tidak menguntungkan. Perkara ini adalah dalam perhatian LPKP buat masa ini dan pemantauan akan dijalankan dari semasa ke semasa sehingga masalah yang dibangkitkan dapat diatasi.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA : YB. MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
[TELOK INTAN]  
TARIKH : 1JULAI2010 [KHAMIS]

SOALAN

40. PR-1232-L38895  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan
- (a) adakah di antara Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri yang mempunyai pinjaman bank yang telah menjadi "Non-Performing Loan" (NPL) semasa memegang jawatan walaupun diselesaikan kemudian; dan
  - (b) jika ada, senaraikan nama-nama Menteri dan Timbalan Merited sekarang yang pernah mempunyai NPL, jumlah pinjaman, jumlah penyelesaian, tarikh pinjaman, tarikh penyelesaian dan tujuan pinjaman.

**Soalan No : 41**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN BERKENAAN.

**Soalan No : 41**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>01.07.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sebuah sekolah dengan kemudahan sukan di negeri Sabah khususnya di bahagian P. 187 Kinabatangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM) sehingga kini masih belum berhasrat untuk menambah sebuah lagi sekolah sukan di Bahagian P. 187 Kinabatangan. Namun begitu, sebuah Sekolah Sukan Malaysia Sabah yang kini sedang dibangunkan di Kota Kinabalu dijangka akan siap pada tahun 2012. Pada yang sama, terdapat juga sebuah Sekolah Sukan Negeri (SSN) Sabah iaitu SMK Peter Majuntin di Panampang, Sabah.



## **SOALAN NO: 42**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH: 1 JULAI2010

SOALAN:

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) peranan dan fungsi dalam pembentukan “*Special Implementation Task Force for Indian Affairs Malaysia* ”,

PR-1232-L37276

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan bagi Jawatankuasa Kabinet Bagi Mengenal Pasti Dan Memantau Penyertaan Masyarakat India Di Dalam Program Dan Projek-Projek Kerajaan ditubuhkan oleh YAB Perdana Menteri pada Mac 2010. Pasukan tersebut dipengerusikan oleh YB Datuk Dr S. Subramaniam dan dipengerusikan bersama oleh YBhg Tan Sri Gnanalingam.

Pasukan ini bertanggungjawab dalam memastikan keputusan-keputusan yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pasukan ini akan menyediakan laporan terperinci kepada Jawatankuasa Kabinet tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tugas utama Pasukan ini adalah bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat, kumpulan komuniti dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bagi meningkatkan penglibatan masyarakat kaum India di dalam program dan projek-projek Kerajaan.

*m{7 Jun-13 Juh 10)/kas...25.5.10/Ku(asegamn£.37276*

*Mr 4<sup>1</sup>3*

PEMBERITA  
HU  
PERTANYAA  
N  
DEWAN  
RAKYAT  
PERTANYAAN KAWASAN  
MALAYSIA  
DARIPADA Y.B. TUAN SAIFUDDIN  
NASUTION BIN ISMAIL  
KAWASAN MACHANG  
TARIKH NO. 01.07.2010  
SOALAN

**Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)**  
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN  
INDUSTRI menyatakan bentuk mekanisme timbang tara  
yang mengiringi pengkorporatan MIDA yang kelak bakal  
menjadi sebuah badan swasta yang bermotifkan  
keuntungan dan

**berkuasa meluluskan insentif.**

**Jawapan:**

Tuan Yang DiPertua  
PEMBERITA

HU

PERTANYAA

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

N  
DEWAN

merupakan agensi utama Kerajaan yang bertanggungjawab

RAKYAT

MALAYSIA

untuk menggalakkan serta menarik pelaburan dalam sektor

perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. MIDA

memainkan peranan penting di dalam transformasi negara

di bawah pelbagai fasa pembangunan industri sepanjang

tempoh empat dekad yang lalu. Walaubagaimana pun, MIDA

mempunyai batasan dan kekurangan kuasa untuk membuat

keputusan berbanding dengan Agensi Promosi Pelaburan

Asing (IPA) yang lain di rantau ini seperti *Economic*

*Development Board (EDB)* di Singapura dan *Board of*

*Investment (BOI)* di Thailand. Akibatnya, Malaysia tidak

dapat bersaing secara efektif dengan IPAs asing lain di

rantau ini.

Memandangkan ini, pihak Kerajaan telah memutuskan untuk memperkasa dan mengorporatkan MIDA. Kerajaan telah bersetuju untuk memperkasa MIDA dengan kuasa yang diperlukan untuk berunding secara terus dengan pelabur untuk projek yang disasarkan. Perubahan ini akan menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan yang efektif dan membolehkan MIDA untuk meluluskan insentif secara *real time* dan bertindak pantas untuk menarik pelaburan asing.

MIDA kini sedang mengkaji model pengkorporatan yang sesuai untuk digunakan selaras dengan fungsi-fungsi serta skim perkhidmatan baru MIDA. Walau bagaimanapun, MIDA akan tetap kekal sebagai badan korporat yang berorientasikan perkhidmatan dan bukannya bermotifkan

No: 44

**keuntungan sejajar ~~Persatuan Perpaduan Negara~~ sebagai agensi  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**  
**utama penggalakan pelaburan negara.**



**No: 45**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**                   **TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD  
TAIB (BALING)**

**PERTANYAAN**               **LISA  
N 01.07  
TARIKH .2010**

**SOALAN NO**               **44**

**Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib ( Baling )** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan apakah Kerajaan sedar hampir 80 buah cawangan Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah ditutup di seluruh negara dan lebih 2000 orang pekerja telah diberhentikan sewenang-wenangnya. Kalau sedar, apakah sebabnya dan apa langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan daya saing dan bahagian pasaran, institusi kewangan melaksanakan pelbagai strategi untuk memaksimumkan penggunaan sumber dan menguruskan perbelanjaan operasinya dengan lebih efisyen. Antara usaha yang diambil ialah merasionalisasikan cawangan-cawangannya kepada saluran pengagihan yang lebih efektif.

2. Melalui program rasionalisasinya, Syarikat Takaful Malaysia Berhad akan menumpukan usaha untuk mengukuhkan cawangan platinumnya iaitu cawangan yang mencapai sasaran sumbangan berjumlah RM12 juta hingga RM15 juta (dari perniagaan takaful am dan keluarga) di setiap negeri, meningkatkan perniagaan agensinya dengan menggunakan rangkaian cawangan Tabung Haji dan Bank Islam yang sedia ada untuk memperkembangkan perniagaannya dan meminimumkan kos operasi. Oleh yang demikian, proses perasionalan tersebut mungkin akan melibatkan pertukaran pekerja-pekerja ke ibu pejabat atau cawangan-cawangan berhampiran atau peletakan jawatan

**No: 46**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

bagi sebahagian kecil pekerja.

**SOALAN NO.**

**45 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN  
(PAS) (PENGKALAN CHEPA)**

**TARIKH 1 JULAI 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (PAS) (PENGKALAN CHEPA)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah ada usaha-usaha yang bersifat pencegahan berdasarkan bagi membendung gejala sosial seperti kes-kes pembuangan anak-anak yang baru lahir yang begitu membimbangkan masa kini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap isu gejala sosial seperti pembuangan bayi. Tanggungjawab bagi menangani gejala ini bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata tetapi merupakan tanggungjawab bersama pelbagai agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, masyarakat umum serta ibu bapa.

Dalam menangani gejala ini, KPWKM menggunakan tiga (3) pendekatan iaitu:

- i. Memberikan Perlindungan, Pemeliharaan dan Pemulihan;
- ii. Melaksanakan Program-program Advokasi; dan
- iii. Menjalankan Kempen-kempen Kesedaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha pencegahan bagi membendung gejala ini dilaksanakan secara intensif oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerusi program dan aktiviti berikut:

- a) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001;
- b) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD);
- c) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti *SmartStart*, Modul Kasih dan Program *Parenting @Work*;
- d) Mewujudkan Pusat Remaja *Kafe@Teen* yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja;
- e) Melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai kendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi

kebijakan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan Kerajaan; dan



f) Mengadakan program Swadaya Wanita di peringkat negeri untuk memperkayakan pengetahuan wanita tentang isu-isu semasa dan diberi kefahaman tentang peranan mereka dalam pembentukan keluarga harmoni.

Tuan Yang di-Pertua,

Program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawah seliaannya seperti di sebutkan tadi adalah berdasarkan pendekatan dan tuntutan Islam iaitu mendidik masyarakat agar mempunyai pengetahuan, kemahiran serta kesedaran yang tinggi berkaitan hak dan keperluan melindungi dan menjaga keselamatan kanak-kanak.

**NO SOALAN : 46**

**PEMBERITAHU  
AN  
PERTANYAAN**  
~~DEWAN~~  
**RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA  
TARIKH

SOALAN

LISAN  
DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

1 JULAI 2010

Minta PERDANA MENTERI jumlah kawasan (hektar) yang telah diusahakan oleh FELDA di Lahad Datu dan Tawau, Sabah serta jumlah nilai hasil yang diperolehi dari kelapa sawit setiap tahun sejak 2000 hingga sekarang dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengembalikan semula rancangan penempatan peneroka bagi rakyat miskin di Sabah.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN  
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri meluluskan kawasan seluas 117,124.95 hektar kepada FELDA di kawasan Lahad Datu dan Tawau dengan pecahan 106,041.93 hektar bagi kawasan Lahad Datu dan 11,083.02 hektar bagi kawasan Tawau. Kawasan yang dimajukan ini terdiri daripada kawasan yang diuruskan oleh FELDA membabitkan

diperolehi sejak tahun 2000 adalah 20,909,345 mt dengan nilai RM6.149.53 juta. Agihan pecahan adalah seperti berikut iaitu untuk tahun 2000 sebanyak 1,954,200 mt dengan nilai RM276.83 juta, 2001 sebanyak 2,142,378 mt (RM278.08 juta), 2002 sebanyak 2,217,668 mt (RM512.04) 2003 sebanyak 2,128,706 mt (RM586.87 juta), 2004 sebanyak 1,983,755 mt (RM590.89 juta), 2005 sebanyak 2,135,254 mt (RM515.14 juta), 2006 sebanyak 2,065,468 mt (RM519.47 juta), 2007 sebanyak 1,917,132 mt (RM846.69 juta), 2008 sebanyak 1,869,359 mt (RM982.68 juta), 2009 sebanyak 1,792,819 mt (RM712.15 juta) dan 2010 sebanyak 702,605 (RM328.69 juta).

Berkenaan dengan pengembalian semula rancangan penempatan peneroka bagi rakyat miskin di Sabah, Kerajaan telah menetapkan mulai 1 Januari 1990 tiada lagi pengambilan peneroka di kawasan rancangan FELDA. Namun begitu, jika Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi kawasan tanah yang baru untuk dibangunkan, penempatan peneroka dengan model baru boleh dipertimbangkan.

Dimaklumkan juga Kerajaan telahpun membayar premium kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM128.39 juta atas kadar RM500 per ekar bagi kawasan-kawasan yang tidak menempatkan peneroka<sup>^</sup> Di samping itu juga Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan bantuan khas melalui peruntukan FELDA bagi Program Pembasmian Kemiskinan dan sehingga kini Kerajaan telahpun membayar sejumlah RM269juta.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

DARIPADA                    Y.B DATO'SERI ANWAR BIN IBRAHIM

(PERMATANG PAUH)

TARIKH                    01.07.2010                    [KHAMIS]

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan berkenaan penyiasatan pihak Perancis berhubung urus niaga perolehan dua kapal selam Scorpene bernilai RM4.5 bilion antara Kerajaan Malaysia dan DCN.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini pihak Kerajaan Malaysia tidak menerima sebarang permohonan daripada pihak Perancis berhubung penyiasatan mengenai perolehan dua buah kapal selam Scorpene ini.

**SOALAN NO: 48**

*Mesy Kedua DR/10 01.07.10 YB Dato'Seri Anwar Ibrahim - Permatang Pauh*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN  
[ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH**

**1 JULAI 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah pihak Kerajaan menjalankan kajian untuk mengenal pasti jenis persembahan hiburan yang dibenarkan dan kaitannya dengan masalah keruntuhan akhlak di negara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa memastikan persembahan hiburan di negara ini adalah terkawal dan tidak menyebabkan keruntuhan akhlak. Kementerian sentiasa mengkajinya melalui aduan awam yang dikemukakan, contohnya aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

Masalah keruntuhan akhlak juga adalah terlalu umum dan melibatkan pelbagai faktor.

Kementerian melalui RTM mempunyai Garis Panduan Siaran TV yang digunakan bagi tujuan memantau siaran filem dan drama di TV Kerajaan termasuk persembahan hiburan.

Rancangan-rancangan hiburan di RTM adalah tertakluk kepada garis panduan yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Penilaian Kandungan dan Kualiti Program berdasarkan Garis Panduan Siaran TV. Penelitian khusus yang dibuat adalah berdasarkan aspek berikut:

- i. Artis;
- ii. Lagu; dan
- iii. Persembahan.

Program-program hiburan RTM secara lembut (*subtle*) turut diselitkan dengan nilai-nilai murni.

Kementerian melalui SKMM pula mengawal selia kandungan siaran TV melalui Kod Kandungan yang didaftarkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Melalui Kod Kandungan ini, kandungan siaran dapat dikawal supaya tidak memberi pengaruh negatif kepada masyarakat.

Selain itu, Garis Panduan Penapisan Filem oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF), Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Menyentuh Seni dan Budaya oleh KPKK dan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam oleh JAKIM juga turut dirujuk oleh semua stesen radio dan

televisyen.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWABAN  
DEWAN RAKYAT

NO AUM : 27  
NO. AUP :

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]  
TARIKH 1 JULAI 2010  
RUJUKAN 2773

**SOALAN:**

Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan mangsa dan penjenayah yang ditembak mati dan cedera setiap tahun oleh pasukan polis mulai tahun 2005-2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gopeng yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2005, jumlah penjenayah yang ditembak mati oleh pihak

**NO.AUM : 27**  
**NO. AUP :**

polis ialah seramai 9 orang, diikuti 16 orang pada tahun 2006, 13 orang pada tahun 2007, 82 orang pada tahun 2008 dan 88 orang pada tahun 2009. Kesemua penjenayah telah ditembak mati kerana terlibat dalam pelbagai jenayah seperti samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, dan samun tanpa bersenjata api. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak dapat mengemukakan statistik yang khusus berhubung jumlah penjenayah yang tercedera seperti yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat.

NO. AUM: 38  
NO. AUP: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN AMRAN BIN AB GHANI [ TANAH MERAH ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>1 JULAI 2010</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>2775</b>

**SOALAN:**

**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan**

- (a) siapakah yang memungut sisa-sisa atau daging dan tulang mayat Atlantuya Shaaribu setelah ia dibom dan di mana ia disemadikan; dan
- (b) mengapakah wajah Azilah Hadri dan Siru Azhar Umar masih ditutup walaupun telah didapati bersalah.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), pasukan forensik PDRM bertanggung jawab memungut sisa-sisa daging dan tulang mayat Atlantuya Shaaribu. Sehingga kini, sisa-sisa daging dan tulang tersebut masih disimpan di Hospital Kuala Lumpur dalam keadaan terkawal.

Bagi menjawab soalan (b) pula, wajah kedua-dua tertuduh masih ditutup ketika diiring ke mahkamah adalah atas kehendak mereka sendiri. Selain daripada iringan mereka ke mahkamah, wajah mereka tidak ditutup ketika dalam urusan ke lain-lain tempat yang diluluskan atau diarahkan oleh pihak berkuasa penjara.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

#### RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

YB TUAN NGA KOR MING

TARIKH

1 JULAI 2010 (KHAMIS)

## **SOALAN**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa masih tidak ada tindakan undang-undang diambil terhadap bekas pegawai khas YAB Perdana Menteri iaitu YBhg. Dato' Nasir Safa yang mengaku mengeluarkan kata-kata bahawa "orang India datang ke Malaysia untuk mengemis, wanita Cina datang untuk jual tubuh badan" semasa seminar 1 Malaysia di Melaka pada bulan Februari 2010.

## **JAWAPAN: YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz**

Tuan Yang di-Pertua,

Keseluruhan keterangan yang didapati daripada siasatan kes terhadap Dato' Nasir Safar telah diteliti dan dikaji. Berdasarkan keterangan tersebut, keputusan telah dibuat untuk tidak mengambil tindakan seterusnya terhadap Dato' Nasir Safar. Kes telah tidak diteruskan (NFA). Keputusan ini dibuat berdasarkan kesukaran untuk membuktikan bahawa ayat dan perkataan yang digunakan mempunyai kecenderungan untuk menghasut di bawah subseksyen 3(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*]. Tambahan pula, suspek telah memohon maaf secara terbuka pada 4 Februari 2010, iaitu 2 hari selepas tarikh kejadian dan menyatakan bahawa beliau tidak berniat untuk memberi ucapan berunsur hasutan atau menghina kaum-kaum tertentu.



Kenyataan yang dikeluarkan oleh suspek adalah merujuk kepada warga asing yang datang ke negara ini untuk mencari pekerjaan dan bukannya merujuk kepada kaum India dan Cina tempatan. Sehubungan itu, suspek juga telah meletakkan jawatan sebagai Pegawai Khas kepada Perdana Menteri pada hari yang sama.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MANIKAVASAGAM A/L  
SUNDARAM [ KAPAR ]**

**TARIKH**

**1 JULAI2010(KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [ Kapar ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) butiran semua syarikat-syarikat media dan subsidiari-subsiadi yang tertakluk kepada kawalan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; dan
- (b) apakah kadar penggunaan jalur lebar sekarang dan mampukah kita mencapai tahap 50% menjelang akhir tahun 2010.

**JAWAPAN:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga Mei 2010, terdapat sejumlah 30 buah syarikat media yang tertakluk kepada kawalan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang terdiri daripada syarikat Penyiaran TV dan Radio Terrestrial, Penyiaran satelit serta penyiaran langganan dan bukan langganan.

Syarikat-syarikat media tersebut adalah Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Natseven TV Sdn Bhd, Metropolitan TV Sdn Bhd, Maestra Broadcast Sdn Bhd, Measat Radio Communications Snd Bhd, Synchrosound Studios Sdn Bhd, Kristal Harta Sdn Bhd, Suara Johor Sdn Bhd, Star RFM Sdn Bhd, Radio Lebuh raya Sdn Bhd, Husa Network Sdn Bhd, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd, Rimakmur Sdn Bhd, Perfect Excellence Waves Sdn Bhd, U Television Sdn Bhd, CH-9 Media Sdn Bhd, Fine TV Network Sdn Bhd, One FM Radio Sdn Bhd, ISY Holding Sdn Bhd, TM Net Sdn Bhd, BFM Media Sdn Bhd, MOL Media Sdn Bhd, Asiaspace Digital Network Sdn Bhd, DE Multimedia Sdn Bhd, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Greenline Communication Sdn Bhd, Soak Broadcasting Sdn Bhd dan Asia Media Sdn Bhd.



Kadar penembusan jalur lebar mengikut isi rumah sehingga Mei 2010 adalah sebanyak 36.5% bersamaan dengan 2.3 juta isi rumah. Untuk mencapai sasaran 50% penembusan jalur lebar mengikut isi rumah pada akhir tahun 2010, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kadar penggunaan dan langganan jalur lebar di seluruh negara.

Antara inisiatif yang sedang giat dilaksanakan ialah:

- i) memperluaskan liputan jalur lebar ke seluruh negara dengan membina rangkaian teras dan akses menggunakan pelbagai teknologi termasuk teknologi gentian optik di samping menaik taraf kapasiti lebar jalur domestik dan antarabangsa;
- ii) menyediakan pakej jalur lebar mampu milik kepada kumpulan sasaran;
- iii) membangunkan lebih banyak Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) di luar dan pinggir bandar; dan
- iv) mempertingkatkan lagi usaha dalam memberi kesedaran dan promosi jalur lebar kepada semua lapisan masyarakat.

Dengan inisiatif yang telah dan sedang diambil ini, Kementerian yakin akan dapat mencapai sasaran 50% penembusan jalur lebar mengikut isi rumah pada penghujung tahun 2010.

No: 53

## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)

TARIKH AN	PERT ANYA	LISA N
01.07.2010		

## **SOALAN NO 53**

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta Menteri Kewangan menyatakan senarai nama pegawai kanan dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang memegang lebih daripada satu jawatan pada satu-satu masa dan adakah cadangan untuk melantik pegawai kanan tersebut melalui iklan. Sekiranya tiada, mengapa.

JAWAPAN:

## Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, menurut ketetapan Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG), di bawah garis panduan yang ditetapkan di bawah Buku Hijau (berkaitan Mempertingkatkan Keberkesanan Lembaga Pengarah), para pengarah GLC hanya dibenarkan memegang jawatan Ahli Lembaga Pengarah tidak lebih daripada 5 buah syarikat tersenarai (tidak termasuk anak syarikat GLC) dan tidak lebih daripada 10 buah syarikat tidak tersenarai, pada satu-satu masa. Jumlah ini lebih rendah berbanding had maksimum yang telah ditetapkan oleh Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia yang menghadkan keanggotaan seseorang pengarah itu di 10 buah syarikat tersenarai dan 15 buah syarikat tidak tersenarai.

2. Menurut garis panduan di bawah Buku Hijau juga, GLC secara amnya telah pun merangka model penggantian (*succession model*) masing-masing. Berdasarkan model ini, GLC melaksanakan pelan penggantian CEO secara proaktif. Di samping itu, GLC seperti juga syarikat-syarikat

**No: 54**

multinasional lain, turut menggunakan khidmat firma pencarian eksekutif yang berpengalaman, sebagai salah satu amaran terbaik syarikat.  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**



3. GLC juga telah menghimpunkan kumpulan kepimpinan pelapis dalaman yang memiliki pengalaman serta kemahiran tertentu yang mampu menyumbang ke arah kelangsungan operasi syarikat. Kriteria yang sama turut digunakan sekiranya syarikat-syarikat ini perlu mencari bakat-bakat yang sesuai daripada industri.

4. Sehubungan itu, keperluan untuk mengiklankan kekosongan jawatan-jawatan tersebut dalam akhbar-akhbar tempatan tidak timbul dalam usaha memenuhi sebarang kekosongan yang mungkin ada di GLC. Selain itu, amalan mengiklankan kekosongan untuk jawatan-jawatan kanan syarikat turut tidak dibuat oleh syarikat-syarikat multinasional dan besar yang lain.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                  TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]**

**TARIKH                  1 JULAI 2010**

**SOALAN:**

**Tuan Chong Chieng Jen** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat 31 Mei 2010, bilangan pengundi biasa dan pengundi pos di

kawasan Parlimen Stampin dan ketiga-tiga kawasan Dewan  
**SOALAN NO.54**

Undangan Negeri di dalam kawasan Parlimen Stampin, ianya Batu  
Lintang, Kota Sentosa dan Batu Kawah

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN: YB DATO'SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Daftar Pemilih Terkini Sehingga Suku Tahun Pertama Tahun 2010 (ST1/2010) sehingga 31 Mac 2010, jumlah pengundi berdaftar bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P. 196 Stampin adalah 72,283 orang. Daripada jumlah tersebut, jumlah pengundi biasa adalah seramai 69,442 orang manakala jumlah pengundi pos adalah seramai 2,841 orang.

Bagi jumlah pengundi mengikut bahagian pilihan raya negeri (DUN) pula, DUN Batu Lintang mempunyai seramai 27,109 orang pengundi yang terdiri daripada 27,049 orang pengundi awam dan 60 orang pengundi pos, manakala DUN Kota Sentosa mempunyai seramai 25,381 orang pengundi yang terdiri daripada 23,313 orang pengundi awam dan 2,068 orang pengundi pos dan DUN Batu Kawah mempunyai seramai 19,793 orang pengundi yang terdiri daripada 19,080 orang pengundi awam dan 713 orang pengundi pos.

Sekian, terima kasih.



## **SOALAN(55)**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

: LISAN 1 JULAI

TARIKH

2010 (KHAMIS)

DARIPADA

Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

#### **SOALAN**

**Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah yang sedang Kerajaan rancang untuk dilaksanakan bagi bandaraya-bandaraya negara kita terutamanya untuk meningkatkan pemuliharaan alam sekitar dan memodenkan infrastruktur dengan tujuan untuk menjamin penilaian yang baik dalam indeks bandaraya hijau selaras dengan slogan Expo Sedunia di Shanghai, "Better City, Better Life".

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) sedang menyediakan "*Guidance Notes: Green Neighbourhood*" sebagai salah satu usaha Kerajaan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar dan memodenkan infrastruktur dengan tujuan untuk menjamin penilaian yang baik dalam indeks bandaraya hijau. Antara aspek-aspek yang diberi penekanan di dalam "*guidance*" ini adalah mengenai gambaran keseluruhan terhadap dasar-dasar peringkat kebangsaan, peranan agensi-agensi yang berkaitan dan sistem pengukuran bagi menilai kejayaan pelaksanaan "*Green Neighbourhood*".

Buat masa kini, JPBD telah membentuk satu set Petunjuk-petunjuk Bandar bagi mengukur standard kualiti hidup minimum yang perlu dicapai oleh setiap bandar dalam Negara. Aplikasi sistem Petunjuk Bandar (MURNInet) telah dilaksanakan berdasarkan jaringan komputer bagi menganalisis keadaan semasa bandar, kesan pembangunan, perubahan-perubahan dan membentuk senario bandar mampan berdasarkan piawaian yang ditetapkan. JPBD juga memantau tahap kemampanan bandar melalui sistem Petunjuk Bandar (Gerbang MURNInet), di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mengemaskini data-data dari masa ke semasa. KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) pula menyediakan Pelan Induk Landskap sebagai dokumen rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Daerah bagi memastikan keseragaman perancangan, penyediaan infrastruktur hijau, pelaksanaan pembangunan serta pengurusan landskap di seluruh negara terutama di kawasan perbandaran.

Selain dari itu, JLN juga menyalurkan peruntukan kepada PBT melalui Program Penghijauan Negara di dalam usaha untuk mengimbangi pembangunan landskap seperti legaran bandaran, taman poket, pembangunan "*greenway & green belt*", "*urban woodlands*", *jalan protokol*, "*water front*" serta "*promenade*". Usaha perlandskapan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kawasan persekitaran perbandaran yang selesa, selamat, mampan dan beridentiti. Dari aspek pengurusan sisa pepejal pula, sistem kutipan sisa pepejal yang merangkumi penggunaan tong yang seragam dan mudah dikendalikan serta penggunaan lori kompaktor yang mematuhi spesifikasi ketat seperti tidak melepaskan air larut resap (*lechate*) semasa operasi dan menangani masalah bau dan udara akan diwajibkan apabila penswastaan pengurusan sisa pepejal

dan pembersihan awam dilaksanakan kelak. Kedua-dua elemen **SOALAN(55)**

petunjuk

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

prestasi utama (KPI) yang perlu dipatuhi oleh syarikat-syarikat konsesi.

Pendekatan yang diambil ini dijangka dapat mejurus kepada pewujudan bandaraya yang lestari dan kualiti hidup yang tinggi.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Julai 2010

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH  
[SUBANG ]**

**TARIKH**

**1 JULAI 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ] minta **MENTERI**

**SOALAN NO: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN RAKYAT**

**PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menggubal satu Akta Pembebasan Maklumat (Freedom of Information Act) dan memansuhkan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan sekiranya tidak, kenapa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini tidak berhasrat untuk mengadakan sebarang akta yang melindungi hak kebebasan bersuara, media dan maklumat memandangkan perkara ini telah termaktub dalam Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak kebebasan bercakap,

berhimpun dan berpersatuan bagi setiap rakyat Malaysia. Artikel tersebut menyatakan bahawa setiap individu mempunyai hak kebebasan untuk menyuarakan sesuatu dan tertakluk kepada beberapa peraturan. Hak tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut lunas-lunas tertentu selaras dengan peruntukan dan undang-undang negara.

Kerajaan tiada cadangan memansuhkan Akta Rahsia 1972 memandangkan undang-undang tersebut diperlukan mengawas dan menjamin kepentingan awam dan Kerajaan baik dari segi keselamatan negara mahupun pencerobohan maklumat pihak-pihak lain.

NO. AUP : ' '

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]

**TARIKH** 1 JULAI 2010

**RUJUKAN** 2776

**NO. AUM : 54**

**SOALAN:**

Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa banyak kes pembunuhan peguam di Malaysia dan apakah tindakan yang telah pun diambil untuk mengatasinya dan tahap penyelesaiannya. Khususnya berkenaan kes peguam kanan yang mati dibunuh di Bukit Damansara baru-  
**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak tahun 2005 hingga 2009 terdapat 6 kes bunuh di mana mangsanya adalah peguam dan kes-kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Berkenaan kes seorang peguam yang ditemui mati di Bukit Damansara seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, kes tersebut masih lagi

dalam siasatan pihak polis.



